
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JKE 212 – Makroekonomi 1

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab SEMUA soalan Bahagian A, dan B. Jawapan hendaklah dibuat pada ruang yang disediakan diatas buku soalan ini.

Pilih DUA soalan Bahagian C. Jawapan Bahagian C hendaklah dibuat di dalam buku jawapan.

SERAHKAN KESELURUHAN KERTAS SOALANINI BESERTA BUKU JAWAPAN MASIC-MASIC.

JANGAN DICERAIKAN MANA-MANA BAHAGIAN DARIPADA KERTAS SOALANINI.

JIKA TERDAPAT MANA-MANA MUKA SURAT YANG HILANG, MARKAH AKAN DIPOTONG.

IKAT KEDUA-DUA BUKU SOALAN DAN BUKU JAWAPAN ANDA.

BAHAGIAN A (SOALAN 1)**[30 MARKAH]**

Tandakan pilihan anda diatas Borang Jawapan yang terdapat diakhir Bahagian ini.


1. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merujuk kepada
 - A. Jumlah pendapatan yang diterima oleh faktor-faktor pengeluaran.
 - B. Nilai (dalam matawang) barang dan perkhidmatan akhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara bagi tahun tertentu oleh faktor-faktor milik negara.
 - C. Nilai (dalam mata wang) barang dan perkhidmatan akhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara bagi tahun tertentu tanpa mengira samada ianya dikeluarkan oleh faktor milik sendiri atau milik asing.
 - D. Nilai (dalam mata wang) barang dan perkhidmatan akhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara bagi tahun tertentu oleh faktor milik negara tolak nilai (dalam mata wang) barang dan perkhidmatan akhir yang dikeluarkan dalam sesebuah negara bagi tahun tertentu oleh faktor milik asing.
 - E. Keluaran Negara Kasar campur pendapatan bersih luar negara.
2. Peningkatan pelaburan autonomi sebanyak 250 meningkatkan pendapatan sebanyak 1000. Berapakah nilai pengganda pelaburan autonomi?
(Peringatan: pengganda = $\frac{1}{1 - mpc}$)
 - A. 3
 - B. 4
 - C. 5
 - D. 6
 - E. 8
3. Manakah daripada berikut TIDAK menunjukkan ekonomi berada dalam keseimbangan?
 - A. $Y = AD$
 - B. $S = I$
 - C. $C + S + T = C + I + G + NX$
 - D. $S + I = G - T + NX$
 - E. $S + T = I + G + (X - M)$

4. Jika fungsi penggunaan diberi sebagai $C = a + cY$. Manakah daripada berikut TIDAK benar?
- A. a ialah penggunaan autonomi.
 - B. c ialah kecenderungan mengguna marginal.
 - C. $(1-c)$ ialah kecenderungan menabung marginal.
 - D. Fungsi tabungan ialah $S = -a + (1-c)Y$.
 - E. Pada setiap tingkat pendapatan, kesemua pendapatan yang diterima dibelanjakan.
5. Yang manakah daripada berikut TIDAK berkaitan dengan asas ekonomi klasik?
- A. Hukum Say
 - B. Teori Kuantiti Wang
 - C. Teori harga benar
 - D. Teori kadar bunga benar
 - E. Teori upah dan harga boleh ubah
6. Apakah implikasi daripada asas-asas ekonomi klasik tersebut?
- A. Pengangguran sentiasa ujud dalam ekonomi.
 - B. Campur tangan kerajaan perlu untuk menstabilkan ekonomi.
 - C. Ekonomi sentiasa dalam keadaan gunatenaga penuh.
 - D. Harga, Upah dan Kadar Bunga melekit (sukar mengalami turun naik).
 - E. Menyebabkan kestabilan ekonomi dunia sehingga ke hari ini.
7. Yang manakah daripada berikut TIDAK benar berhubung kadar bunga?
- A. Kadar bunga ialah imbuhan menahan diri daripada berbelanja.
 - B. Kadar bunga ialah kos pelaburan
 - C. Tingkat pelaburan ditentukan oleh kadar bunga
 - D. Kadar bunga boleh dikawal oleh kerajaan.
 - E. Kadar bunga mempunyai hubungan positif dengan jumlah pelaburan.
8. Keluk IS menggambarkan
- A. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran barang.
 - B. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran wang.
 - C. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran buruh.
 - D. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran pertukaran asing.
 - E. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran aset.

9. Keluk LM menggambarkan

- A. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran barang.
- B. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran wang.
- C. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran buruh.
- D. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran pertukaran asing.
- E. kombinasi kadar bunga dan pendapatan yang menghasilkan keseimbangan dalam pasaran aset.

Soalan 10 merujuk kepada rajah berikut.




10. Manakah daripada berikut TIDAK benar berhubung dengan kesan himpitan pada rajah di atas?

- A. Kesan himpitan tersebut dikenali sebagai kesan himpitan separa.
- B. Perbelanjaan kerajaan yang menggerakkan IS ke kanan menghimpit pelaburan swasta keluar.
- C. Pelaburan swasta yang menggerakkan IS ke kanan menghimpit keluar perbelanjaan kerajaan.
- D. Akibat kesan himpitan, peningkatan pendapatan tidak berlaku sepenuhnya.
- E. Kesan himpitan berlaku disebabkan kenaikan kadar bunga yang meninggikan kos pelaburan dan oleh sebab itu jumlah pelaburan berkurangan.

11. Dalam ekonomi 3 sektor iaitu dengan adanya campur tangan kerajaan, salah satu daripada berikut TIDAK berlaku.
- Kerajaan mengenakan cukai
 - Cukai mengurangkan pendapatan boleh guna masyarakat.
 - Peningkatan perbelanjaan kerajaan meninggikan permintaan agregat.
 - Cukai dan perbelanjaan kerajaan merupakan suntikan kepada ekonomi.
 - Pengganda cukai ialah $mpc \cdot \frac{1}{mps}$.
12. Manakah TIDAK benar berhubung dengan keujudan sektor luar?
- Eksport bergantung kepada harga relatif dan pendapatan negara luar.
 - Eksport adalah angkubah autonomous.
 - Import bergantung kepada pendapatan negara.
 - Terdapat dua fungsi import iaitu import autonomi dan import terangsang (bergantung kepada pendapatan negara)
 - Import dan eksport merupakan suntikan kepada ekonomi negara.

Soalan 13 dan 14 merujuk kepada rajah berikut.



13. Salah satu daripada berikut TIDAK benar berhubung titik keseimbangan E'' .
- Titik E'' terhasil akibat dasar fiskal berkembang.
 - Titik E'' menggambarkan berlaku kesan himpitan.
 - Pada titik E'' , kadar bunga adalah tinggi.
 - Pada titik E'' , dasar kewangan tidak dilaksanakan.
 - Pada titik E'' , dasar campuran (dasar fiskal dan kewangan serentak) dilaksanakan.

14. Manakah daripada berikut TIDAK menggambarkan proses yang berlaku pada rajah di atas?
- A. Peningkatan pendapatan negara akibat pelaksanaan dasar fiskal dan kewangan serentak lebih besar daripada peningkatan pendapatan negara akibat pelaksanaan dasar fiskal sahaja.
 - B. Pelaksanaan dasar fiskal dan kewangan serentak menstabilkan kadar bunga dalam negara.
 - C. Pelaksanaan dasar fiskal dan kewangan serentak boleh menyebabkan ekonomi berada dalam kemelesetan kerana kadar bunga tidak berubah dan bekalan wang bertambah akibat dasar kewangan berkembang.
 - D. Pelaksanaan dasar fiskal dan kewangan serentak menghapuskan kesan himpitan.
 - E. Dasar fiskal berkembang dan dasar kewangan berkembang dilaksanakan.
15. Keseimbangan dalam pasaran wang bermakna
- A. Permintaan wang sama dengan penawaran wang.
 - B. Kadar bunga adalah stabil.
 - C. Berlaku keseimbangan antara jenis-jenis wang ($M_1 + M_2 + M_3$)
 - D. Pasaran harta dalam keadaan kestabilan.
 - E. Harga barang adalah stabil.
16. Yang manakah daripada berikut TIDAK berkaitan dengan kadar bunga?
- A. Jika wang dipegang dalam bentuk tunai, kadar bunga merupakan kos melepas.
 - B. Jika wang disimpan di dalam bank, kadar bunga adalah imbuhan.
 - C. Pelaburan mempunyai hubungan langsung dengan kadar bunga.
 - D. Tabungan mempunyai hubungan langsung dengan kadar bunga.
 - E. Pelaburan mempunyai hubungan songsang dengan kadar bunga.
17. Pelaburan autonomous bermakna
- A. Pelaburan yang bergantung kepada pendapatan negara.
 - B. Pelaburan yang bergantung kepada kecenderungan menabung marginal.
 - C. Pelaburan yang tidak bergantung kepada pendapatan negara.
 - D. Fungsi pelaburan ditulis sebagai $I = \bar{I} + bY$
 - E. Fungsi pelaburan mencerun naik dari kiri ke kanan.

18. Yang manakah TIDAK berkaitan dengan kecenderungan mengguna marginal (*mpc*).
- A. *mpc* semakin kecil jika *mps* semakin besar.
 - B. *mpc* merujuk kepada kecerunan fungsi penggunaan.
 - C. *mpc* ialah perubahan penggunaan berbanding perubahan pendapatan.
 - D. $mpc = 1 - mps$
 - E. Nilai *mpc* semakin meningkat jika pendapatan semakin meningkat.
19. Paradox tabungan merujuk kepada
- A. peningkatan tabungan akibat peningkatan pendapatan.
 - B. pengurangan tabungan akibat pengurangan pendapatan.
 - C. pengurangan tabungan akibat peningkatan pendapatan.
 - D. peningkatan tabungan akibat pengurangan pendapatan.
 - E. peningkatan pendapatan menyebabkan peningkatan tabungan pada jumlah yang sama.
20. Perangkap kecairan pada pandangan ahli-ahli ekonomi Keynesian bermaksud bahawa
- A. pada kadar bunga yang tinggi, dasar kewangan tidak mampu memberikan kesan kepada ekonomi.
 - B. pada kadar bunga yang rendah, dasar kewangan tidak mampu memberikan kesan kepada ekonomi.
 - C. pada kadar bunga yang amat rendah, dasar fiskal tidak mampu memberikan kesan kepada ekonomi.
 - D. Pada kadar bunga yang amat tinggi, dasar fiskal tidak mampu memberikan kesan kepada ekonomi.
 - E. Penggunaan dasar fiskal oleh kerajaan dalam mengawal permintaan agregat memburukkan lagi pendapatan negara.

Soalan 21 – 30 mempunyai hanya DUA pilihan jawapan.

21. Model IS-LM cuba menggambarkan proses keseimbangan serentak yang berlaku dalam pasaran barang dan pasaran modal.
- A. Betul
 - B. Salah
22. Cukai akan mempengaruhi penggunaan isirumah kerana ia mengurangkan pendapatan boleh guna
- A. Betul
 - B. Salah

23. Kesan himpitan berlaku apabila peningkatan pendapatan akibat peningkatan perbelanjaan kerajaan menyebabkan permintaan wang meningkat dan seterusnya kadar bunga turut meningkat yang mengurangkan penggunaan dan pelaburan.
- A. Betul
B. Salah
24. Kadar bunga mempunyai hubungan positif dengan harga bon.
- A. Betul
B. Salah
25. Teori permintaan wang Friedman menyebut bahawa wang dipegang bertujuan untuk memenuhi keperluan urus niaga, awasan dan spekulatif.
- A. Betul
B. Salah
26. $X = f(P_X, Y_L)$
Di mana,
- X = kuantiti eksport
 P_X = harga eksport
 Y_L = pendapatan negara luar
- A. Betul
B. Salah
27. Jika perbelanjaan kerajaan tidak bergantung kepada pendapatan tetapi cukai bergantung kepada pendapatan, maka belanjawan akan berada dalam keadaan lebihan pada pendapatan yang rendah dan defisit pada tingkat pendapatan yang tinggi.
- A. Betul
B. Salah
28. Barang akhir ialah barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dan dijual terus kepada pengguna manakala barang perantara ialah barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan tetapi dijual kepada firma lain untuk digunakan sebagai imput.
- A. Betul
B. Salah


29. Pada pandangan ahli ekonomi klasikal, tabungan ialah fungsi kadar bunga $[S=f(r)]$ manakala pada pandangan ahli ekonomi Keynesian, tabungan adalah selisih antara pendapatan dan penggunaan ($S=Y-C$)
- A. Betul
B. Salah
30. Pada pandangan ahli ekonomi klasikal, pelaburan ialah fungsi kadar bunga $[I=g(r)]$ manakala ahli ekonomi Keynesian berpandangan pelaburan bergantung kepada jangkaan untung.
- A. Betul
B. Salah

BORANG JAWAPAN BAHAGIAN A

1. = A = = B = = C = = D = = E =
 2. = A = = B = = C = = D = = E =
 3. = A = = B = = C = = D = = E =
 4. = A = = B = = C = = D = = E =
 5. = A = = B = = C = = D = = E =
 6. = A = = B = = C = = D = = E =
 7. = A = = B = = C = = D = = E =
 8. = A = = B = = C = = D = = E =
 9. = A = = B = = C = = D = = E =
 10. = A = = B = = C = = D = = E =
 11. = A = = B = = C = = D = = E =
 12. = A = = B = = C = = D = = E =
 13. = A = = B = = C = = D = = E =
 14. = A = = B = = C = = D = = E =
 15. = A = = B = = C = = D = = E =
 16. = A = = B = = C = = D = = E =
 17. = A = = B = = C = = D = = E =
 18. = A = = B = = C = = D = = E =
 19. = A = = B = = C = = D = = E =
 20. = A = = B = = C = = D = = E =
 21. = A = = B = = C = = D = = E =
 22. = A = = B = = C = = D = = E =
 23. = A = = B = = C = = D = = E =
 24. = A = = B = = C = = D = = E =
 25. = A = = B = = C = = D = = E =
 26. = A = = B = = C = = D = = E =
 27. = A = = B = = C = = D = = E =
 28. = A = = B = = C = = D = = E =
 29. = A = = B = = C = = D = = E =
 30. = A = = B = = C = = D = = E =

BAHAGIAN B (SOALAN 2)**[30 MARKAH]****Tulis jawapan anda di dalam ruangan yang disediakan SAHAJA**

1.	Senaraikan 3 fungsi wang	3 markah
2.	Berikan a. 2 faktor yang menyebabkan dasar fiskal berkembang b. 2 faktor yang menyebabkan dasar fiskal mengucup	4 markah

3.	<p>Berikan</p> <p>a. 2 faktor yang menyebabkan dasar kewangan berkembang</p> <p>b. 2 faktor yang menyebabkan dasar kewangan mengucup</p>	4 markah
4.	<p>Berdasarkan rajah berikut, berapakah sais himpitan keluar (angka dalam juta RM)</p>  <p>The graph illustrates the IS-LM model with the following details:</p> <ul style="list-style-type: none"> Y-axis: Interest rate (percent) ranging from 0 to 15. X-axis: Real income (Y) ranging from 0 to 6000. Old IS_0 curve: Represented by a dashed line labeled $(\bar{A}_0 = 1250)$. New IS_1 curve: Represented by a solid line labeled $(\bar{A}_1 = 1500)$. LM curve: Represented by a solid line labeled $LM_0 (\frac{M^e}{P} = 1000)$. Initial Equilibrium: Point E_0 at interest rate 10% and real income 3500. New Equilibrium: Point E_1 at interest rate 7.5% and real income 3000. Shift: An arrow points from E_0 to E_1, indicating a leftward shift in the IS curve due to an increase in autonomous spending. 	3 markah

5.	<p>Perhatikan rajah berikut. Mengapakah kejatuhan kadar bunga meningkatkan penggunaan daripada CC_0 ke CC_1?</p> <p>5.5 Pengaruh Kadar Bunga : Dasar Kewangan</p> <p>Andaikan penggunaan berada pada CC_0, pelaburan di I_0 dan keseimbangan di Y_0.</p> <p>Kejatuhan kadar bunga menggerakkan keluk penggunaan ke CC_1, dan meningkatkan pelaburan ke I_1.</p> <p>Permintaan Aggregat meningkat ke AD_1, dan keseimbangan baru di capai di Y_1.</p>	4 markah
6.	Apakah hubungan yang ujud antara <i>mpc</i> dan <i>mps</i> .	2 markah
7.	<p>Jika</p> $C = 100 + 0.65Y_d$ $I = 250 + 0.15Y$ $G = 1,000$ $X-M = 240 - 0.1Y$ $T = 0.1Y$ <p>Berapakah perbelanjaan autonomous ekonomi ini?</p>	2 markah

<p>8. Angkubah k dalam persamaan permintaan wang untuk tujuan urusniaga Keynes [iaitu $L_t = k(P.O)$] merujuk kepada</p>	<p>3 markah</p>
<p>9. Berpandukan rajah berikut, nyatakan proses-proses perubahan yang berlaku dalam angka (%) atau RM). [Perhatian]: perubahan tersebut adalah disebabkan peningkatan bekalan wang sebanyak 500juta]</p> <div style="text-align: center; margin-top: 10px;"> </div>	<p>5 markah</p>

BAHAGIAN D (SOALAN 3 – 7)**[40 MARKAH]****Pilih 2 soalan sahaja. Tulis jawapan di atas buku jawapan yang disediakan.**

3. (a) Menggunakan kaedah permintaan agregat ($AD = C + I$) dan kaedah suntikan-bocoran ($S = I$), tunjukkan dengan bantuan gambar rajah, bagaimanakah keseimbangan dicapai dalam ekonomi dua sektor. [15 markah]
- (b) Daripada keseimbangan yang dicapai berdasarkan kaedah permintaan agregat (pada soalan 3a) di atas, apakan kesan sekiranya kerajaan meningkat kadar cukai.
[Lukiskan rajah berasingan] [5 markah]
4. (a) Ahli-ahli ekonomi klasik berhujah bahawa pengangguran tidak ujud dalam ekonomi kerana kadar bunga, upah dan harga adalah fleksibel. Bincangkan bagaimanakah ini dikaitkan dengan konsep “tangan ghaib” dan mekanisme pasar. [12 markah]
- (b) Bezakan Teori Kuantiti Wang Fisher dan Cambridge. [8 markah]
5. (a) Bincangkan Teori Pegangan/Permintaan Wang Keynes. [10 markah]
- (b) i. Dengan menggunakan gambar rajah, bezakan himpitan penuh dan himpitan separa. [5 markah]
- ii. Terangkan mengapa berlaku proses himpitan. [5 markah]
6. (a) Dalam pembentangan belanjawan tahun 2003 yang lepas, kerajaan mengumumkan pemberian bonus sebanyak sebulan gaji atau minimum RM1,200 kepada semua kakitangan kerajaan membabitkan perbelanjaan hampir RM1.074 bilion. Menggunakan kaedah IS-LM, bagaimanakah anda boleh tunjukkan kesan peningkatan perbelanjaan kerajaan tersebut. [15 markah]
- (b) Dengan menggunakan gambar rajah, tunjukkan apakah yang dimaksudkan dengan paradoks tabungan. [5 markah]